| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TARIKAN JEJAMBAT RIMBA | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 17 Sep 2020 | Color | Full Color |
| Section | Santai | Circulation | 112,705 |
| Page No | 33,34 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1659 cm² |
| Journalist | Fairul Asmaini Mohd Pilus | AdValue | RM 65,355 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 196,064 |

[redacted]




PENGUNJUNG tidak ketinggalan merakam gambar kenangan.

# TARIKAN JEJAMBAT RIMBA

## Forest Skywalk, FRIM tawar pemandangan ibu kota KL dari ketinggian 50 meter

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my

**Selepas** hampir lapan bulan pembukaannya ditangguhkan, tarikan terbaharu di Lembah Klang, Forest Skywalk di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dibuka kepada orang ramai akhir Ogos lalu.

Forest Skywalk atau juga dikenali sebagai Jejambat Rimba itu terdiri daripada beberapa pelantar dengan ketinggian antara 18 hingga 50 meter (m) dan panjang keseluruhan 250m.

Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar FRIM, Dr Noor Azlin Yahya berkata, proses pembinaan jejambat yang terletak dalam Taman Botani Kepong itu bermula 15 Disember 2018 dan siap sepenuhnya pada 16 Disember tahun lalu.

Namun, ia tidak dapat dibuka lebih awal kerana pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kata Dr Noor Azlin, meskipun Jejambat Rimba baharu sahaja dibuka namun sambutan yang diterima amat memberangsangkan apabila merekodkan 2,300 pengunjung pada minggu pertama.

> 34



PENGUNJUNG dalam dan luar Lembah Klang tidak melepaskan peluang menguji keberanian menaiki Jejambat Rimba.

Powered by: iSENTIA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TARIKAN JEJAMBAT RIMBA | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 17 Sep 2020 | Color | Full Color |
| Section | Santai | Circulation | 112,705 |
| Page No | 33,34 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1659 cm² |
| Journalist | Fairul Asmaini Mohd Pilus | AdValue | RM 65,355 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 196,064 |



**PEMANDANGAN** *indah dari atas pelantar Jejambat Rimba menggamit kunjungan ramai.*

# NIKMATI PANORAMA INDAH

## Selain uji keberanian Jejambat Rimba saji pemandangan hutan ladang dan ibu kota

DARI MUKA 33

"Jejambat Rimba menawarkan pemandangan indah hutan matang (arah utara) dan pemandangan sekitar Taman Botani Kepong (arah selatan).

"Pemandangan memukau ibu kota Kuala Lumpur termasuk bangunan Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar Petronas pula boleh dilihat ke arah timur manakala jika memandang ke arah barat, pengunjung akan disajikan pemandangan hutan ladang.

"Pembukaan Jejambat Rimba ini menawarkan tarikan pelancongan terbaharu kepada orang ramai khususnya penduduk di sekitar Lembah Klang," katanya.

Mengulas lanjut, Pengurus Teknikal Forest Skywalk, Wan Mohd Nafizul Hal-Alim Wan Ahmad berkata, jejambat berkenaan didirikan di atas tanah seluas 0.83 hektar di Taman Botani Kepong.

Ia disiapkan dengan kos keseluruhan berjumlah RM3.2 juta menerusi peruntukan yang diperoleh daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Kata Wan Mohd Nafizul, jejambat itu diperbuat daripada aluminium dan rekaannya sesuai untuk pemuliharaan alam sekitar.

"Rekaan jejambat itu diinspirasikan dari jejambat di Ireland Utara selain turut diguna pakai di beberapa negara termasuk Brunei.

"Konsep jejambat itu juga disesuaikan dengan fokus utama FRIM iaitu mengutamakan pemuliharaan hutan, keselamatan dan keselesaan pengguna untuk bersantai termasuk golongan orang kurang upaya (OKU)," katanya.

Jelas Wan Mohd Nafizul, orang ramai boleh mencuba keberanian menaiki jejambat itu dalam tiga sesi iaitu bermula jam 8.30 pagi, 10.30 pagi dan 2 petang.

Bagaimanapun, untuk keselamatan, hanya 150 pengunjung dibenarkan dalam sesuatu sesi iaitu 125 orang di Skydeck manakala 25 lagi di Skydeck dan menara (setinggi 50m) dengan pengawasan empat petugas.

"Anda perlu bersabar kerana hanya lima pengunjung dibenarkan berada di atas sesuatu pelantar kerana ia laluan sehala dan pengunjung dilepaskan secara berperingkat.

"Apapun kesabaran itu berbaloi kerana pemandangan indah yang disajikan di sepanjang pelantar jejambat berkenaan.

"Jadi, bagi yang inginkan kelainan sambil menguji keberanian dan menikmati panorama indah hutan semula jadi, Jejambat Rimba ini adalah pilihannya," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Mohamad Zharfan Mohd, 18, berkata, dia dan dua lagi rakannya memilih hari bekerja untuk menaiki jejambat itu bagi mengelakkan situasi menunggu terlalu lama.

Ini kerana kata Mohamad Zharfan, ada rakannya terpaksa beratur hampir dua jam pada hari pembukaan jejambat itu pada 31 Ogos lalu kerana terlalu ramai pengunjung.

"Ramai yang mahu mencuba tarikan terbaharu FRIM ini dan kebanyakannya memilih untuk datang pada hujung minggu atau cuti umum.

"Oleh kerana kami tidak mahu bersesak atau menunggu terlalu lama jadi, hari biasa adalah pilihan yang sesuai.

"Berbaloi kami datang dari jauh (Putrajaya) kerana selain berpeluang menguji keberanian menaiki jejambat yang berada di atas pokok, saya dan rakan juga dapat melihat pemandangan indah sekitar ibu kota," katanya.



> Rekaan jejambat itu diinspirasikan dari jejambat di Ireland Utara selain turut diguna pakai di beberapa negara termasuk Brunei
>
> **WAN MOHD NAFIZUL**



**PENGUNJUNG** *beratur panjang untuk membeli tiket ke Jejambat Rimba.*



**PERANCAH** *utama jejambat diperbuat daripada aluminium.*



**MENARA** *setinggi 50m yang menguji keberanian pengunjung.*

### INFO

- Kenakan pakaian yang sesuai terutama kasut dan bersedia dengan topi.
- Dilarang membawa payung, tripod atau peralatan yang besar.
- Penggunaan dron tidak dibenarkan.
- Terletak 650m dari pintu masuk, mengambil masa lapan minit berjalan kaki.

Powered by: iSENTIA